**Dear Valued Customers and Partners**

Recognising the importance of protecting our customer's and partners' personal data and privacy under the recently gazetted Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA"), Iskandar Investment Berhad (IIB) Group of Companies ("**IIB Group**") is committed to comply with the provisions of the Personal Data Protection Act 2010. For the said purpose, IIB Group has circulated to our valued customers, partners and other individuals who have previously provided us with their personal data in relation to but not limited to any purchase of our properties, subscription of our services, tenancy to our properties, registration of interest of becoming our consultants and contractors as well as any other dealings and transactions. A copy of the Personal Data Protection Notice ("**Notice**") is attached herewith.

**Personal Data Protection Act 2010**

The **Notice** sets out, among others, the types of personal data we collect and how we process your personal data. Having voluntarily provided us with your personal data earlier, you are deemed to have consented to us processing your personal data in accordance with the **Notice** [unless you inform us otherwise / if you do not respond to this Notice by 15 June 2014].

We shall also use this information as a database of customers and business partners. The database shall enable us to invite you in the future to participate in our new business venture, land sales and development projects, events and marketing activities undertaken by the IIB Group.

**If you wish to withdraw your consent for the purposes set out in the Notice and to unsubscribe from any future correspondences from us, please mail – pdpa-compliance@iskandarinvestment.com to withdraw your consent or you may send your written request to us at the following address:**

**Main Office**
**PDPA Compliance Officer**
**Iskandar Investment Berhad**
**#G-12, Block 8 Danga Bay**
**Jalan Skudai**
**80200 Johor Bahru**

**Contact:**
**Telephone: +607 233 9000**
**Fax: +607 233 9001**
**Email Address: pdpa-compliance@iskandarinvestment.com**

We value your continuous support and look forward to serving you better as well as building stronger partnerships with you in our journey ahead.

Thank you.

Yours sincerely,
**ISKANDAR INVESTMENT BERHAD**

______________________________

**PRIVACY NOTICE**

**Personal Data Protection Notice for IIB Group**

Iskandar Investment Berhad Group (**"IIB Group"**) respects and is committed to the protection of your personal data and your privacy. This Personal Data Protection Notice explains how we collect and handle your personal data in accordance with the recently gazetted Malaysian Personal Data Protection Act 2010. Please note that IIB Group may amend this Personal Data Protection Notice at any time but will notify you of any such amendment via our website or by email.

If we do not hear from you within 14 days after the notification on our website or email has been issued, it indicates and confirms your acceptance of the amendments to this Notice.

## 1. Personal Data

### 1.1 Types of Personal Data

Personal data means any information which relates to and identifies you. Your personal data was collected by or provided to IIB Group for the purposes stated in Section 2 below. Your personal data may include your name, NRIC number, contact details, financial and banking account details and any information provided by you or by any third parties about you.

### 1.2 Source of Personal Data

**(i) Customer or Potential Customer:**

IIB Group collects your personal data directly from you or indirectly from various sources including but not limited to referral from relevant government agencies such as MIDA, MITI, IRDA, etc, referral from industry players and trade associations, legal representatives, property agents and/or employer when you, your legal representatives, agents and/or employers send us completed enquiry, application and/or registration forms via various means, including online and physical hardcopies at public venues or in any of our premises, search results or reports from credit reporting agencies, government departments or agencies and public registries. Your personal data may also be collected from cookies through the use of our website.

**(ii) Contractors and Consultants**

IIB Group collects your personal data directly from you when registering to be our pre-qualified consultants and contractors, tendering for our projects and/or filling up relevant forms via various means including online and physical hardcopies, search results or reports from credit reporting agencies, government departments or agencies and public registries. IIB Group may also collect your personal data indirectly via referral received from relevant trade associations and/or professional associations in which you are registered members. Your personal data may also be collected from cookies through the use of our website.

**(iii) Vendor, Supplier, Tenant or Service Provider**

IIB Group collects your personal data directly from you when registering to be our pre-qualified vendors, suppliers and service provider, tendering and/or quoting for our projects and/or filling up relevant forms via various means including online and physical hardcopies, search results or reports from credit reporting agencies, government departments or agencies and public

registries. IIB Group may also collect your personal data indirectly via referral received from relevant trade associations and/or professional associations in which you are registered members. Your personal data may also be collected from cookies through the use of our website.

As for tenant, IIB Group may collect your personal data directly from you when you register or fill up relevant forms via various means including online and physical hardcopies related to our tenancy, search results or reports from credit reporting agencies, government departments or agencies and public registries.

### 1.3 Obligation to Provide Personal Data

The provision of all information requested for in the relevant forms is voluntary in nature. However, should you fail to provide such information, we would be unable to process your request and/or provide you with relevant services.

## 2. Purposes of Collecting and Further Processing (including disclosing) Your Personal Data

**(i) Customers or Potential Customers:**
Your personal data is collected and further processed by IIB Group for the following purposes:

- to verify your identity;
- to process your requested commercial transactions including but not limited to Land Sales, Purchases of Lease Extension, Setting up Joint Ventures, Tenancy arrangement;
- to facilitate your participation in our property development via various channel including being an equity holding in a JVCo and outright sale;
- to administer and communicate with you in relation to our product and services and/or events;
- to process any payments related to your requested transaction and services;
- to conduct internal marketing analysis and analysis of customer patterns;
- to comply with IIB Group's legal and regulatory obligations in the conduct of its business;
- to contact you regarding products, services, upcoming events, promotions, advertising, marketing and commercial materials which we may feel interest you;
- to ensure that the content from our website is presented in the most effective manner for your and for your computer and/or device;
- for IIB Group's internal records management, customer relations events and activities;
- for the purposes of enforcing or defending our legal rights or obtaining legal advice;
- to assist in the prevention, detection or investigation of crime or possible criminal activities or for the administration of justice; and
- for other purposes as may be consented or directed by you.

**(ii) Contractor and Consultant:**
Your personal data is collected and further processed by IIB Group for the following purposes:

- to verify your identity; to give effect to your requested commercial transaction;
- to facilitate your request to be our registered pre-qualified contractors and consultants for our development projects and activities;

- to comply with IIB Group's legal and regulatory obligations in the conduct of its business;
- to communicate with you and contact you regarding products, services, upcoming events, promotions, advertising, marketing and commercial materials which we feel may interest you;
- to ensure that the content from our website is presented in the most effective manner for you and for your computer and/or device;
- for IIB Group's internal records management, customer relations events and activities, and customer loyalty reward program;
- for the purposes of enforcing or defending our legal rights or obtaining legal advice;
- to assist in the prevention, detection or investigation of crime or possible criminal activities or for the administration of justice; and
- for other purposes as may be consented or directed by you.

**(iii) Vendor, Supplier, Tenant or Service Provider:**
Your personal data is collected and further processed by IIB Group for the following purposes:

- to verify your identity;
- to give effect to your requested commercial transaction;
- to process your requested services;
- to administer and give effect to your commercial transaction (tender award, contract for service, tenancy agreement);
- to process any payments related to your commercial transaction;
- to comply with IIB Group's legal and regulatory obligations in the conduct of its business;
- to communicate with you and contact you regarding products, services, upcoming events, promotions, advertising, marketing and commercial materials which we may feel interest you;
- to ensure that the content from our website is presented in the most effective manner for your and for your computer and/or device;
- for IIB Group's internal records management, customer relations events and activities, and customer loyalty reward program;
- for the purposes of enforcing or defending our legal rights or obtaining legal advice;
- to assist in the prevention, detection or investigation of crime or possible criminal activities or for the administration of justice; and
- for other purposes as may be consented or directed by you.

Where you have indicated your consent to receiving marketing or promotional updates from IIB Group, you may opt-out from receiving such marketing or promotional material at any time. You may choose to unsubscribe to IIB Group's email blasts or you may contact IIB Group at the details provided in Section (5) below.

## 3. Disclosure of Personal Data

### 3.1 Entities Within IIB Group

Your personal data provided to us is processed by entities within IIB Group (including related companies, subsidiaries, holding companies, associated companies and outsourcing partners). IIB will

ensure that:

(i) access to your personal data is restricted to staff who are contractually required to process your personal data in accordance with their respective job requirements; and
(ii) only necessary information is released to the relevant employees.

**3.2 Classes of Third Parties**

Your personal data may be disclosed to relevant third parties as required under law, pursuant to relevant contractual relationship (for example, where we appoint third party service providers and/or consultant) or for the purposes stated in Section 2 above (or directly related to those purposes). IIB Group may require the relevant third party and/or consultant to sign a Non-Disclosure Agreement to protect our customer's and partner's information and privacy.

In the event of a potential, proposed or actual sale of business, disposal, acquisition, merger or re-organisation (**"Transaction"**), your personal data may be required and permitted by the law to be disclosed or transferred to a third party as a result of the Transaction. You hereby acknowledge that such disclosure and transfer may occur and permit IIB Group to release your personal data to the other party and its advisers/representatives.

**(i) <u>Customer or Potential Customer:</u>**

Your personal data may be disclosed to the following classes of third parties:

- Third parties appointed by us to provide services to us or on our behalf (such as auditors, lawyers, company secretary, consultants, contractors, professional advisers, printing companies, consultants, conference/training/event organisers, marketing agents, archival storage, data entry service providers, website service provider, computer backup services, disaster recovery services, banks and financial institutions and other service providers);Any persons required for the purposes of your requested commercial transaction;
- Our business partners or affiliates who may jointly provide the service requested;
- Utility companies;
- Property management companies for management of property purchased;
- Government agencies and/or Local Authorities if IIB Group assists you in your visa application as part of your requested travel services;
- Law enforcement agencies, including the local police;
- Relevant governmental authorities statutory authorities, local council and industry regulators; and
- Any other persons directed by or consented to by you.

**(ii) Contractor and Consultant:**

Your personal data may be disclosed to the following classes of third parties:

- Third parties appointed by us to provide services to us or on our behalf (such as auditors, lawyers, company secretary, consultants, contractors, professional advisers, printing companies, consultants, conference/training/event organisers, marketing agents, archival storage, data entry service providers, website service provider, computer backup services, disaster recovery services, banks and financial institutions and other service providers);
- Any persons required for the purposes of your requested commercial transaction;

- Government agencies and/or Local Authorities if IIB Group assists you in your visa application as part of your requested travel services;
- Law enforcement agencies, including the local police;
- Relevant governmental authorities statutory authorities, local council and industry; and
- Any other persons directed by or consented to by you.

**(iii) <u>Vendor, Supplier, Tenant or Service Provider:</u>**
Your personal data may be disclosed to the following classes of third parties:

- Third parties appointed by us to provide services to us or on our behalf (such as auditors, lawyers, company secretary, printing companies, contractors, conference/training/event organisers, marketing agents, archival storage, data entry service providers, website service provider, computer backup services, disaster recovery services, banks and financial institutions and other service providers);
- Any persons required for the purposes of your requested commercial transaction;
- Law enforcement agencies, including the local police;
- Relevant governmental authorities, statutory authorities, local council and industry regulators; and
- Any other persons directed by or consented to by you.

**3.3 Transfer of Personal Data Outside Malaysia**
We may also transfer your personal data outside of Malaysia for the purposes and to such third parties stated in this Notice. The transfer of your personal data outside Malaysia would also be required if you are travelling or based outside Malaysia.

## 4. <u>Websites</u>

**4.1 Links to Other Sites**
Links to other sites is provided for your convenience and information. These sites may have their own privacy statement in place, which we recommend you review if you visit any linked websites. We are not responsible for the content on the linked sites or any use of the site.

**4.2 Location Enabled Products or Applications**
Location enabled products or applications will transmit your location information to us. We do not use the information sent or provided other than to provide the service you request. Location enable features are opt-in and you have control over your participation and can turn these services off at any time or uninstall them.

**4.3 Cookies**
A cookie may be used in the processing of your information. A cookie is a text file placed into the memory of your computer and/or device by our computers. A copy of this text file is sent by your computer and/or device whenever it communicates with our server. We use cookies to identify you. We may also collect the following information during your visit to our website and/or the fully qualified domain name from which you accessed our site, or alternatively, your IP address:

(i) the date and time you accessed each page on our web site;
(ii) the URL of any webpage from which you accessed our site (the referrer); and

(iii) the web browser that you are using and the pages you accessed.

Some web pages may require you to provide a limited amount of personal data in order to enjoy certain services on our websites (system login credentials, email address and contact, etc).
This personal data will only be used for its intended purposes only, i.e. to respond to your message or deliver the requested services.

## 5. Right to Access, Correct and Limit the Processing of Personal Data

You may:

(i) access and correct your personal data held by us;
(ii) withdraw your consent or limit the use of your personal data; and
(iii) contact us with any inquiries or complaints in respect of your personal data

by submitting your written request / inquiries / complaints in the forms available on [our website] to:

**Main Office**
**PDPA Compliance Officer**
**Iskandar Investment Berhad**
**#G-12, Block 8 Danga Bay**
**Jalan Skudai**
**80200 Johor Bahru**

**Contact:**
**Telephone: +607 233 9000**
**Fax: +607 233 9001**
**Email Address: pdpa-compliance@iskandarinvestment.com**

We will make all reasonable and practicable efforts to comply with your request, so long as it is consistent with applicable law. An administrative charge may be imposed for any request under paragraphs (i) and (ii) above.

## 6. Disclaimer

We assume that the personal data provided to us is accurate, complete and up to date unless otherwise informed by you.

Where you provide any third party information to us including but not limited to employer, and family information, it is our assumption that such information is accurate, up to date and complete and that you have obtained the necessary consent to disclose the same.

## 7. Conflict

In the event of any conflict between this English Language Personal Data Protection Notice and its corresponding Bahasa Malaysia Personal Data Protection Notice, the terms in this English Language Notice shall prevail.

**BAHASA MALAYSIA**

**Pelanggan dan Rakan Niaga Kami yang Dihargai**

Kumpulan Syarikat Iskandar Investment Berhad (IIB) ("**Kumpulan IIB**") mengiktiraf pentingnya langkah melindungi data peribadi dan privasi pelanggan dan rakan niaga kami di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA") yang diwartakan baru-baru ini. Justeru, Kumpulan IIB amat komited untuk mematuhi peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Bagi tujuan tersebut, Kumpulan IIB telah mengedarkan kepada pelanggan dan rakan niaga kami yang dihargai dan individu lain yang sebelum ini memberikan data peribadi mereka kepada kami berhubung dengan tetapi tidak terhad kepada sebarang pembelian hartanah kami, langganan perkhidmatan kami, penyewaan hartanah kami, pendaftaran minat untuk menjadi perunding atau kontraktor kami serta mana-mana urus niaga dan transaksi lain. Sesalinan Notis Perlindungan Data Peribadi ("**Notis**") dilampirkan di sini.

**Akta Perlindungan Data Peribadi 2010**
**Notis** membentangkan antara lainnya, jenis data yang dikumpul oleh kami dan bagaimana kami memproses data peribadi anda. Setelah anda dengan sukarela memberikan data peribadi anda kepada kami sebelum ini, anda dianggap membenarkan kami memproses data peribadi anda selaras dengan **Notis** [kecuali anda memaklumkan kami sebaliknya / jika anda tidak membalas Notis ini pada atau sebelum 15 Jun 2014].

Kami juga akan menggunakan maklumat ini sebagai pangkalan data pelanggan dan rakan niaga. Pangkalan data ini membolehkan kami mempelawa anda di masa hadapan untuk menyertai usaha niaga baru kami, penjualan tanah dan projek pembangunan, acara dan aktiviti pemasaran yang dilaksanakan oleh Kumpulan IIB.

**Jika anda ingin menarik balik kebenaran anda bagi tujuan yang dibentangkan dalam Notis dan untuk berhenti melanggan sebarang surat-menyurat di masa hadapan daripada kami, sila email pdpa-compliance@iskandarinvestment.com untuk menarik balik kebenaran anda atau anda boleh menghantar permintaan bertulis anda kepada kami di alamat berikut:**

**Pejabat Utama**
**Pegawai Kepatuhan PDPA**
**Iskandar Investment Berhad**
**#G-12, Block 8 Danga Bay**
**Jalan Skudai**
**80200 Johor Bahru**

**Hubungi:**
**Telefon: +607 233 9000**
**Faks: +607 233 9001**
**Alamat E-mel: pdpa-compliance@iskandarinvestment.com**

Kami amat menghargai sokongan berterusan daripada anda dan berharap dapat memberikan perkhidmatan yang lebih mantap serta membina perkongsian lebih erat dengan anda di masa hadapan.

Terima kasih.

Yang benar,
**ISKANDAR INVESTMENT BERHAD**

______________________________

**NOTIS PRIVASI**

**<u>Notis Perlindungan Data Peribadi Bagi Kumpulan IIB</u>**
Kumpulan Iskandar Investment Berhad ("**Kumpulan IIB**") menghormati dan amat komited untuk melindungi maklumat peribadi dan privasi anda. Notis Perlindungan Data Peribadi ini menjelaskan bagaimana kami mengumpul dan mengendalikan data peribadi anda selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 yang baru-baru ini diwartakan. Sila ambil perhatian bahawa Kumpulan IIB boleh meminda Notis Perlindungan Data Peribadi ini pada bila-bila masa tetapi akan memaklumkan anda tentang sebarang pindaan melalui laman web kami atau melalui e-mel.

Jika kami tidak menerima sebarang maklum balas daripada anda dalam masa 14 hari selepas makluman di laman web kami atau e-mel dikeluarkan, ini menandakan dan mengesahkan bahawa anda menerima pindaan pada Notis ini.

**1. <u>Data Peribadi</u>**

**1.1 Jenis Data Peribadi**

Data peribadi bermaksud sebarang maklumat yang berkaitan dengan anda dan yang mengenal pasti diri anda. Data peribadi anda dikumpul oleh atau diberikan kepada Kumpulan IIB bagi tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 2 di bawah. Data peribadi anda mungkin termasuk nama, nombor K/P, butir-butir hubungan, butir-butir kewangan dan akaun bank anda, dan sebarang maklumat yang diberikan oleh anda atau mana-mana pihak ketiga tentang anda.

**1.2 Sumber Data Peribadi**

**(i) <u>Pelanggan atau Bakal Pelanggan</u>**:
Kumpulan IIB mengumpul data peribadi anda secara langsung daripada anda atau secara tidak langsung daripada pelbagai sumber termasuk tetapi tidak terhad kepada rujukan daripada agensi kerajaan yang berkaitan seperti MIDA, MITI, IRDA, dll, rujukan dari peserta dalam industri dan persatuan perdagangan, wakil-wakil perundangan, agen-agen hartanah dan/atau majikan, apabila anda, wakil-wakil perundangan anda, agen-agen dan/atau majikan anda menghantar kepada kami borang pertanyaan, pemohonan dan/atau pendaftaran yang telah siap diisi melalui pelbagai cara, termasuk salinan dalam talian dan bercetak di tempat-tempat awam atau di mana-mana premis kami, keputusan carian atau laporan daripada agensi pelaporan kredit, jabatan atau agensi kerajaan dan pejabat pendaftaran awam. Data peribadi anda juga mungkin dikumpul daripada "cookies" menerusi penggunaan laman web kami.

**(ii) <u>Kontraktor dan Perunding</u>**
Kumpulan IIB mengumpul data peribadi anda secara langsung daripada anda semasa anda mendaftar untuk menjadi perunding dan kontraktor pra-layak, memasukkan tender untuk projek kami dan/atau mengisi borang yang berkenaan melalui pelbagai cara termasuk salinan dalam talian dan bercetak, keputusan carian atau laporan daripada agensi pelaporan kredit, jabatan atau agensi kerajaan dan pejabat pendaftaran awam. Kumpulan IIB juga mungkin mengumpul data peribadi anda secara tidak langsung melalui rujukan yang diterima daripada persatuan perdagangan dan/atau persatuan profesional yang berkenaan yang dianggotai oleh anda. Data peribadi anda juga mungkin dikumpul daripada "cookies" menerusi pengunaan laman web kami.

**(iii) <u>Vendor, Pembekal, Penyewa atau Penyedia Perkhidmatan</u>**

Kumpulan IIB mengumpul data peribadi anda secara langsung daripada anda semasa anda mendaftar untuk menjadi vendor, pembekal dan penyedia perkhidmatan pra-layak kami, memasukkan tender dan/atau memberikan sebut harga untuk projek kami dan/atau mengisi borang yang berkenaan melalui pelbagai cara termasuk salinan dalam talian dan bercetak, keputusan carian atau laporan daripada agensi pelaporan kredit, jabatan atau agensi kerajaan dan pejabat pendaftaran awam. Kumpulan IIB juga mungkin mengumpul data peribadi anda secara tidak langsung melalui rujukan yang diterima daripada daripada persatuan perdagangan dan/atau persatuan profesional yang berkenaan yang dianggotai oleh anda. Maklumat peribadi anda juga mungkin dikumpul daripada "cookies" menerusi penggunaan laman web kami.

Bagi penyewa, Kumpulan IIB mungkin mengumpul data peribadi anda secara langsung daripada anda semasa anda mendaftar atau mengisi borang yang berkenaan melalui pelbagai cara termasuk salinan dalam talian dan bercetak berkaitan dengan penyewaan kami, keputusan carian atau laporan daripada agensi pelaporan kredit, jabatan atau agensi kerajaan dan pejabat pendaftaran awam.

**1.3 Kewajipan untuk Memberikan Data Peribadi**

Semua maklumat yang diminta dalam borang yang berkaitan disediakan dengan sukarela. Walau bagaimanapun, sekiranya anda gagal memberikan maklumat tersebut, kami tidak dapat memproses permintaan anda dan/atau memberikan perkhidmatan yang berkaitan kepada anda.

**2. <u>Tujuan Pengumpulan dan Pemprosesan Lanjut (Termasuk Pendedahan) Data Peribadi Anda</u>**

**(i) <u>Pelanggan atau Bakal Pelanggan:</u>**

Data peribadi anda dikumpul dan selanjutnya diproses oleh Kumpulan IIB untuk tujuan berikut:

- mengenal pasti identiti anda;
- untuk memproses transaksi perdagangan yang diminta oleh anda termasuk tetapi tidak terhad kepada Jualan Tanah, Pembelian Pelanjutan Pajakan; Pembentukan Syarikat Usaha Sama, perkiraan Penyewaan;
- untuk memudahkan penyertaan anda dalam pembangunan hartanah kami menerusi pelbagai saluran termasuk pemegangan ekuiti di dalam syarikat usaha sama dan jualan terus;
- untuk mengendali dan berkomunikasi dengan anda berkenaan dengan produk dan perkhidmatan dan/atau acara kami;
- untuk memproses mana-mana pembayaran berkaitan dengan transaksi dan perkhidmatan yang diminta oleh anda;
- untuk melakukan analisis pemasaran dalaman dan analisis corak pelanggan;
- untuk mematuhi obligasi undang-undang dan kawal selia Kumpulan IIB dalam perjalanan perniagaannya;
- untuk menghubungi anda tentang produk, perkhidmatan, acara akan datang, promosi, pengiklanan, pemasaran dan bahan perdagangan yang kami anggap akan menarik minat anda;
- untuk memastikan kandungan laman web kami dipaparkan dalam cara yang paling berkesan untuk anda dan komputer dan/atau peranti anda; dan

- untuk pengurusan rekod dalaman Kumpulan IIB, acara dan aktiviti hubungan pelanggan;
- bagi tujuan menguatkuasakan atau membela hak undang-undang kami atau mendapatkan nasihat undang-undang;
- untuk membantu mencegah, mengesah atau menyiasat jenayah atau potensi aktiviti jenayah atau bagi pentadbiran keadilan; dan
- bagi tujuan lain yang mungkin dibenarkan atau diarahkan oleh anda.

**(ii) Kontraktor and Perunding:**

Data peribadi anda dikumpul dan selanjutnya diproses oleh Kumpulan IIB untuk tujuan berikut:

- untuk menentusahkan identiti anda; untuk melaksanakan transaksi perdagangan yang diminta oleh anda;
- untuk memudahkan permintaan anda untuk menjadi kontraktor dan perunding pra-layak berdaftar kami untuk projek pembangunan dan aktiviti kami;
- untuk mematuhi obligasi undang-undang dan kawal selia Kumpulan IIB dalam perjalanan perniagaannya;
- untuk berkomunikasi dengan anda dan menghubungi anda tentang produk, perkhidmatan, acara akan datang, promosi, pengiklanan, pemasaran dan bahan perdagangan yang kami anggap akan menarik minat anda;
- untuk memastikan kandungan laman web kami dipaparkan dalam cara yang paling berkesan untuk anda dan komputer dan/atau peranti anda; dan
- untuk pengurusan rekod dalaman Kumpulan IIB, acara dan aktiviti hubungan pelanggan, dan program ganjaran kesetiaan pelanggan;
- bagi tujuan menguatkuasakan atau membela hak undang-undang kami atau mendapatkan nasihat undang-undang;
- untuk membantu mencegah, mengesah atau menyiasat jenayah atau potensi aktiviti jenayah atau bagi pentadbiran keadilan; dan
- bagi tujuan lain yang mungkin dibenarkan atau diarahkan oleh anda.

**(iii) <u>Vendor, Pembekal, Penyewa atau Penyedia Perkhidmatan:</u>**

Data peribadi anda dikumpul dan selanjutnya diproses oleh Kumpulan IIB untuk tujuan berikut:

- untuk menentusahkan identiti anda;
- untuk melaksanakan transaksi perdagangan yang diminta oleh anda;
- untuk memproses perkhidmatan yang diminta oleh anda;
- untuk mentadbir dan melaksanakan transaksi perdagangan anda (award tender, kontrak untuk perkhidmatan, perjanjian penyewaan);
- untuk memproses sebarang pembayaran berkaitan dengan transaksi perdagangan anda;
- untuk mematuhi obligasi undang-undang dan kawal selia Kumpulan IIB dalam perjalanan perniagaannya;
- untuk berkomunikasi dengan anda dan menghubungi anda tentang produk, perkhidmatan, acara akan datang, promosi, pengiklanan, pemasaran dan bahan perdagangan yang kami

anggap akan menarik minat anda;

- untuk memastikan kandungan laman web kami dipaparkan dalam cara yang paling berkesan untuk anda dan komputer dan/atau peranti anda; dan
- untuk pengurusan rekod dalaman Kumpulan IIB, acara dan aktiviti hubungan pelanggan, dan program ganjaran kesetiaan pelanggan;
- bagi tujuan menguatkuasakan atau membela hak undang-undang kami atau mendapatkan nasihat undang-undang;
- untuk membantu mencegah, mengesah atau menyiasat jenayah atau potensi aktiviti jenayah atau bagi pentadbiran keadilan; dan
- bagi tujuan lain yang mungkin dibenarkan atau diarahkan oleh anda.

Jika anda telah bersetuju untuk menerima maklumat terkini tentang pemasaran dan promosi daripada Kumpulan IIB, anda boleh memilih untuk tidak lagi menerima bahan pemasaran atau promosi tersebut pada bila-bila masa. Anda boleh memilih untuk berhenti melanggan e-mel yang dihantar oleh Kumpulan IIB atau anda boleh menghubungi Kumpulan IIB menurut butir-butir yang diberikan dalam Seksyen (5) di bawah.

## 3. Pendedahan Data Peribadi

### 3.1 Entiti dalam Kumpulan IIB

Data peribadi anda yang dibekalkan kepada kami diproses oleh entiti di dalam Kumpulan IIB (termasuk syarikat berkaitan, anak syarikat, syarikat induk, syarikat bersekutu dan rakan niaga khidmat luaran). Kumpulan IIB akan memastikan bahawa:

(i) akses kepada data peribadi anda terhad kepada kakitangan yang dikehendaki secara kontrak untuk memproses data peribadi anda selaras dengan keperluan tugas mereka masing-masing; dan

(ii) hanya maklumat yang diperlukan sahaja akan dibeerikan kepada pekerja berkenaan.

### 3.2 Kelas-Kelas Pihak Ketiga

Data peribadi anda mungkin didedahkan kepada pihak ketiga yang berkaitan seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang, selaras dengan perhubungan kontrak yang berkenaan (sebagai contoh, jika kami melantik penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan/atau perunding) atau bagi tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 2 di atas (atau berkait secara langsung dengan tujuan tersebut). Kumpulan IIB mungkin menghendaki agar pihak ketiga dan/atau perunding yang berkenaan menandatangani Perjanjian Tiada Pendedahan untuk melindungi maklumat dan privasi pelanggan dan rakan niaga kami.

Jika terdapat penjualan perniagaan, pelupusan, perolehan, percantuman atau penyusunan semula yang berpotensi, dirancang atau sebenar ("**Transaksi**"), data peribadi anda mungkin dikehendaki dan dibenarkan di bawah undang-undang agar didedahkan atau dipindahkan kepada suatu pihak ketiga akibat Transaksi tersebut. Anda dengan ini mengakui bahawa pendedahan dan pemindahan tersebut mungkin berlaku dan membenarkan Kumpulan IIB mendedahkan data peribadi anda kepada pihak lain tersebut dan penasihat/wakilnya.

**(i) <u>Pelanggan atau Bakal Pelanggan:</u>**

Data peribadi anda boleh didedahkan kepada kelas-kelas pihak ketiga yang berikut:

- Pihak ketiga yang kami lantik untuk menyediakan perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti juruaudit, peguam, setiausaha syarikat, perunding, kontraktor, penasihat profesional, syarikat percetakan, perunding, penganjur persidangan/ latihan/ acara, agen pemasaran, penyimpanan arkib, penyedia perkhidmatan masukan data, penyedia perkhidmatan laman web, perkhidmatan sandaran komputer, perkhidmatan pemulihan bencana, bank dan institusi kewangan dan penyedia perkhidmatan lain); Mana-mana orang yang dikehendaki bagi tujuan transaksi perdagangan yang diminta oleh anda;
- Rakan niaga atau ahli gabungan kami yang mungkin turut sama menyediakan perkhidmatan yang diminta oleh anda;
- Syarikat utiliti;
- Syarikat pengurusan hartanah untuk mengurus hartanah yang dibeli;
- Agensi kerajaan dan/atau Pihak Berkuasa Tempatan jika Kumpulan IIB membantu anda dalam permohonan visa anda sebagai sebahagian daripada perkhidmatan perjalanan yang diminta oleh anda;
- Agensi penguatkuasaan undang-undang termasuk polis tempatan;
- Pihak berkuasa kerajaan, pihak berkuasa berkanun, majlis tempatan dan pengawal selia industri yang berkaitan; dan
- Mana-mana orang lain yang diarahkan atau dibenarkan oleh anda.

**(ii) Kontraktor dan Perunding**

Data peribadi anda boleh didedahkan kepada kelas-kelas pihak ketiga berikut:

- Pihak ketiga yang kami lantik untuk menyediakan perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti juruaudit, peguam, setiausaha syarikat, perunding, kontraktor, penasihat profesional, syarikat percetakan, perunding, penganjur persidangan/ latihan/ acara, agen pemasaran, penyimpanan arkib, penyedia perkhidmatan masukan data, penyedia perkhidmatan laman web, perkhidmatan sandaran komputer, perkhidmatan pemulihan bencana, bank dan institusi kewangan dan penyedia perkhidmatan lain);
- Mana-mana orang yang dikehendaki bagi tujuan transaksi perdagangan yang diminta oleh anda;
- Agensi kerajaan dan/atau Pihak Berkuasa Tempatan jika Kumpulan IIB membantu anda dalam permohonan visa anda sebagai sebahagian daripada perkhidmatan perjalanan yang diminta oleh anda;
- Agensi penguatkuasaan undang-undang termasuk polis tempatan;
- Pihak berkuasa kerajaan, pihak berkuasa berkanun, majlis tempatan dan industri yang berkaitan; dan
- Mana-mana orang lain yang diarahkan atau dibenarkan oleh anda.

**(iii) <u>Vendor, Pembekal, Penyewa atau Penyedia Perkhidmatan:</u>**

Data peribadi anda boleh didedahkan kepada kelas-kelas pihak ketiga berikut:

- Pihak ketiga yang kami lantik untuk menyediakan perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti juruaudit, peguam, setiausaha syarikat, syarikat percetakan, kontraktor, penganjur persidangan/ latihan/ acara, agen pemasaran, penyimpanan arkib, penyedia perkhidmatan masukan data, penyedia perkhidmatan laman web, perkhidmatan sandaran komputer, perkhidmatan pemulihan bencana, bank dan institusi kewangan dan penyedia perkhidmatan lain);
- Mana-mana orang yang dikehendaki bagi tujuan transaksi perdagangan yang diminta oleh anda;
- Agensi penguatkuasaan undang-undang termasuk polis tempatan;
- Pihak berkuasa kerajaan, pihak berkuasa berkanun, majlis tempatan dan pengawal selia industri yang berkaitan; dan
- Mana-mana orang lain yang diarahkan atau dibenarkan oleh anda.

**3.3 Pemindahan Data Peribadi Ke luar Malaysia**

Kami juga mungkin memindahkan data peribadi anda ke luar Malaysia bagi tujuan dan kepada mana-mana pihak ketiga yang dinyatakan dalam Notis ini. Pemindahan data peribadi anda ke luar Malaysia juga dikehendaki jika anda pergi ke luar Malaysia atau berada di luar Malaysia.

**4. <u>Laman Web</u>**

**4.1 Pautan ke Laman Web yang Lain**

Pautan ke laman yang lain disediakan bagi kemudahan dan maklumat anda. Laman-laman ini mungkin mempunyai kenyataan privasi mereka sendiri, yang kami cadangkan supaya disemak oleh anda jika anda melawat mana-mana laman web yang dipaut. Kami tidak bertanggungjawab atas kandungan dalam mana-mana laman yang dipaut atau sebarang penggunaan laman tersebut.

**4.2 Produk atau Aplikasi Mengesan Lokasi**

Produk atau aplikasi mengesan lokasi akan menyampaikan maklumat lokasi anda kepada kami. Kami tidak menggunakan maklumat yang dihantar atau dibekalkan selain daripada untuk membekalkan perkhidmatan yang diminta oleh anda. Ciri-ciri pengesanan lokasi adalah menurut pilihan anda dan anda mempunyai kawalan atas penyertaan anda dan boleh menutup perkhidmatan tersebut pada bila-bila masa atau menyahpasangkannya.

**4.3 "Cookies"**

"Cookies" boleh digunakan untuk memproses maklumat anda. "Cookies" ialah fail teks yang ditempatkan di dalam ingatan komputer dan/atau peranti anda oleh komputer kami. Sesalinan fail teks ini dihantar oleh komputer dan/atau peranti anda apabila ia berkomunikasi dengan pelayan kami. Kami menggunakan "cookies" untuk mengenal pasti anda. Kami juga mungkin mengumpul maklumat berikut semasa anda melawat laman web kami dan/atau nama domain lulus penuh dari mana anda mengakses laman kami, atau secara alternatif, melalui alamat IP anda:

(i) tarikh dan masa anda mengakses setiap halaman dalam laman web kami;
(ii) URL bagi sebarang laman web yang anda akses di laman kami (perujuk tersebut); dan
(iii) pelayar web yang anda gunakan dan halaman yang telah anda akses.

Sesetengah halaman web hanya memerlukan anda memberi jumlah data peribadi yang terhad untuk menikmati perkhidmatan tertentu di laman web kami (log masuk sistem, alamat e-mel dan

hubungan, dsb). Data peribadi ini hanya akan digunakan untuk tujuan yang dirancang sahaja, seperti untuk membalas mesej anda atau menghantar perkhidmatan yang diminta.

5. **Hak untuk Mengakses, Membetulkan dan Membataskan Pemprosesan Data Peribadi**

Anda boleh:

(i) mengakses dan membetulkan data peribadi anda yang dipegang oleh kami;
(ii) menarik balik kebenaran anda atau membataskan penggunaan data peribadi anda; dan
(iii) menghubungi kami dengan apa-apa pertanyaan atau aduan terhadap data peribadi anda

dengan menghantar permintaan/pertanyaan/aduan bertulis anda dalam borang yang disediakan di [laman web kami] kepada:-

**Pejabat Utama**
**Pegawai Kepatuhan PDPA**
**Iskandar Investment Berhad**
**#G-12, Block 8 Danga Bay**
**Jalan Skudai**
**80200 Johor Bahru**

**Hubungan:**
**Telefon: +607 233 9000**
**Faks: +607 233 9001**
**Alamat E-mel:** pdpa-compliance@iskandarinvestment.com

Kami akan mengambil segala usaha yang munasabah dan praktik untuk mematuhi permintaan anda, selagi konsisten dengan undang-undang yang berkuat kuasa. Caj pentadbiran mungkin dikenakan untuk sebarang permintaan di bawah perenggan (i) dan (ii) di atas.

6. **Penafian**

Kami mengandaikan bahawa data peribadi yang diberikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan terkini kecuali dimaklumkan sebaliknya oleh anda.

Jika anda memberikan sebarang maklumat pihak ketiga kepada kami termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat majikan dan keluarga, kami mengandaikan bahawa maklumat tersebut adalah tepat, terkini dan lengkap dan bahawa anda telah mendapatkan kebenaran yang diperlukan untuk mendedahkannya.

7. **Konflik**

Jika berlaku sebarang konflik antara Notis Perlindungan Data Peribadi ini dalam Bahasa Inggeris dan Notis Perlindungan Data Peribadi ini dalam Bahasa Malaysia, terma-terma Notis dalam Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain.